

UMS perluas kerjasama pelancongan berasaskan komuniti

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

UB 7.10.2017 B3
KOTA KINABALU: Kerjasama dengan syarikat pelancongan tempatan bantu Universiti Malaysia Sabah (UMS) perkukuh industri pelancongan berasaskan komuniti.

Jalinan usahasama antara UMS menerusi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) dengan syarikat Tambisan Travel and Tour mampu membawa pelbagai manfaat kepada kedua-dua pihak.

Dekan FPEP UMS Prof. Madya Dr. Raman Nordin berkata, usaha itu juga dilihat

dapat membangunkan aspek penyelidikan, perundingan dan perpindahan ilmu antara UMS dan komuniti.

Menurutnya, kerjasama berkenaan melibatkan ahli penyelidik UMS, pelajar serta komuniti Kampung Tambisan Lahad Datu melalui Tambisan Travel and Tour.

"Pelancongan berasaskan komuniti adalah pelancongan mapan yang sangat memberikan impak serta manfaat kepada penduduk setempat.

"Program ini juga dikenali sebagai 'Community Based Tourism' (CBT) yang mampu mengubah sosio-ekonomi komuniti di kawasan ia dijalankan.

"Saya percaya dengan kepakaran yang ada di UMS serta kerjasama penduduk Kg Tambisan, ia dapat menjayakan projek seperti ini seterusnya dijadikan contoh kepada projek CBT di tempat-tempat lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani Surat Niat (Letter of Intention) kerjasama antara UMS dan Tambisan Travel and Tour di sini pada Khamis.

Turut hadir, Setiausaha Politik Jabatan Ketua Menteri Datuk Armani Mahiruddin sebagai tetamu kehormat yang menyaksikan majlis berkenaan.

Raman berkata, jalinan

berkenaan juga sebagai titik permulaan kerjasama strategik antara FPEP dengan pemain industri bagi memperkenalkan Tambisan sebagai sebuah pusat pelancongan di timur Sabah selain Sandakan, Semporna dan Tawau.

Sementara itu, Pengarah Urusan Tambisan Travel and Tour Sdn. Bhd. Antin Ismail berkata, sebagai anak kelahiran Kampung Tambisan, beliau melihat aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat setempat boleh dijadikan sebagai produk pelancongan.

"Dengan adanya penglibatan dan penerimaan positif daripada komuniti terhadap kepentingan pelancongan, saya mengambil langkah untuk

membantu membangunkan pelancongan di Kg Tambisan dengan melibatkan komuniti setempat.

"Justeru, dalam

merealisasikan matlamat ini, kami mengambil langkah menghubungi UMS.

"Ia bagi membantu meningkatkan kesedaran

penduduk mengenai pentingnya pelancongan dalam memelihara dan memulihara keindahan alam sekitar," jelasnya.



RAMAN (dua kiri) saling bertukar dokumen Surat Niat dengan Antin sambil disaksikan oleh Armani (tengah) dan tetamu jemputan lain.